

# Fadzil setuju PBB tidak berguna

9 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor, bersetuju dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini seolah-olah tidak berguna kerana terpaksa tunduk terhadap tekanan Israel.

Fadzil berkata, PBB tidak seharusnya tunduk dan menjadi alat atau proksi pada mana-mana kuasa di dunia.

"Kita hampir tidak percaya apabila PBB agak pantas mengumumkan pembentukan pasukan penyiasat ke kern pelarian di Jenin, tetapi keraguan kita nyata benar apabila pasukan itu dibubarkan.

"Kita dipermainkan-mainikan oleh Zionis hingga menjadikan PBB tidak berfungsi-apa-apa lagi seperti mana disebutkan Perdana Menteri kita, PBB sudah tidak lagi berguna," katanya dalam Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, malam ini.

Fadzil juga menyifatkan Presiden Israel, Ariel Sharon, sebagai pengganas paling terkutuk di dunia dan layak diadili di mahkamah jenayah antarabangsa.

Beliau berkata, hari ini rejim zionis sudah sampai ke kemuncak keangkuhannya sehingga tiada kuasa lagi yang seolah-olah mampu menghentikan keganasan Israel.

"Sharon langsung tidak mengindahkan desakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berulang kali meluluskan resolusi supaya rejim Tel Aviv berundur dan lawatan Setiausaha Amerika juga diperlekehkan.

"Desakan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, supaya mereka berundur tanpa berlengah diketepikan oleh rejim Tel Aviv, yang angkuh serta tidak memberi respon langsung kepada inisiatif damai yang diluluskan sidang kemuncak Arab di Beirut, baru-baru ini, yang sedia mengiktiraf Israel, sekiranya ia berundur dari semua Wilayah Arab yang didudukinya," katanya.

Fadzil turut menyarankan supaya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) membaik pulih imejnya dengan secara berani dan wibawa memainkan peranan memayungi seluruh negara Islam, merentasi seluruh bidang ekonomi, kewangan, pendidikan, pembangunan sumber manusia serta ketenteraan, bukan untuk berperang, tetapi untuk mempertahankan negara Islam.

"OIC juga boleh menjadi rakan dialog baru seperti Kesatuan Eropah (EU), sementara Amerika Syarikat perlu keluar dari dasar luar yang sarat dengan kebencian terhadap perjuangan rakyat Palestin khususnya dan umat Islam amnya.

"Masvarakat dunia sudah bosan dengan sikap 'double standard' dan polisi Amerika Syarikat yang membenarkan Sharon berterusan bertindak kejam terhadap rakyat Palestin serta tidak menghiraukan hak umat Islam," katanya.

Sehubungan itu, Fadzil berkata, beliau dan semua hadirin pada majlis malam ini adalah untuk menyatakan sokongan padu terhadap umat Palestin yang sedang menderita dan ditindas rejim zionis.

"Saya cukup yakin kehadiran kita semua untuk tujuan baik, untuk menekuni permasalahan ini dari sudut pandangan yang akan membolehkan agenda ini sama-sama kita pikul dengan rasa penuh tanggungjawab agama dan kemanusiaan," katanya.

"Kita tidak seharusnya melihat isu Palestin dari sudut sempit, sehingga kita dituduh emosional dan tidak menepati ketentuan fakta, ilmu serta rentetan sejarah," katanya.